

## **KAJIAN TERHADAP PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN FAIL PENSYARAH KURSUS (FPK) DALAM MENINGKATKAN KECEMERLANGAN KUALITI P&P DI POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA.**

Zuraini Binti Zainal Abidin & Wan Malini binti Wan Abdul Razak

Unit Jaminan Kualiti

Politeknik Merlimau

### **Abstrak**

Fail Pensyarah Kursus (FPK) adalah fail semasa yang perlu disediakan oleh pensyarah kursus bertujuan untuk menyimpan semua rekod kualiti berkaitan dengan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran bermula sesi Jun 2013. Fail ini mengandungi perkara seperti Sukatan Kursus, Jadual Kerja Bengkel/Makmal/Kerja Luar, Rekod Ketidakhadiran Kursus, Rekod Penilaian Kerja Kursus, *Course Outcome Review Report (CORR)*, Soalan dan Skema Jawapan, Skrip Jawapan Pelajar dan Nota Kursus. Tempoh penyediaan FPK adalah bermula pada tarikh pertama hingga tarikh akhir sesi pengajian iaitu sebelum cuti akhir semester. Antara objektif FPK ini diwujudkan untuk memudahkan pensyarah kursus mengumpul rekod-rekod yang dikehendaki oleh ISO dan MQA. Walaubagaimanapun, sistem pengurusan fail ini memerlukan penambahbaikan bagi mencapai objektif yang telah disasarkan. Oleh itu, satu kajian mengenai Sistem Pengurusan FPK telah dilaksanakan. Terdapat dua objektif kajian iaitu untuk memastikan kecemerlangan kualiti P&P tercapai dan memberi kepuasan kepada pensyarah. Satu set borang kaji selidik yang mengandungi 10 item telah diedarkan kepada 80 orang pensyarah kursus dari pelbagai jabatan. Hasil dapatan daripada kajian ini, cadangan akan diberikan kepada pihak pengurusan Politeknik untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan FPK supaya dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh pensyarah kursus dan juga pihak yang berkaitan.

**Kata Kunci:** Fail Pensyarah Kursus (FPK) , Kecemerlangan Kualiti P&P, Kepuasan Hati Pensyarah

## BAHAGIAN SATU PENGENALAN

---

### 1.0 PENGENALAN

Fail merupakan salah satu kaedah penyimpanan dokumen yang mengandungi rekod dan maklumat yang dikehendaki. Sehubungan itu, adalah amat penting fail diuruskan secara sistematik dan teratur selaras dengan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa bagi memastikan semua rekod adalah terpelihara dan boleh diakses dengan pantas apabila ia diperlukan. Kegagalan menguruskan fail dengan baik boleh menjejaskan tugas seharian dan memberi kesan negatif kepada organisasi.

Di Politeknik Merlimau, amalan terdahulu pensyarah kursus perlu menyediakan dua jenis Fail bagi setiap semester iaitu Fail Rekod Pensyarah (FRP) dan Fail Penyelaras Kursus. Hal ini menyebabkan pengumpulan rekod tidak sistematik kerana pada akhir semester rekod-rekod di dalam fail ini perlu digabungkan. Bagi mengelakkan pertindihan atau pengulangan kerja, idea mewujudkan Fail Pensyarah Kursus ini dihasilkan di mana rekod-rekod di dalam FRP dan Fail Penyelaras Kursus tersebut dimasukkan dalam satu fail. Ia juga memudahkan pensyarah kursus mengemaskini rekod dan data dengan mudah. Walau bagaimanapun, keadaan ini menyebabkan lambakan fail yang banyak sekiranya pensyarah mengajar lebih daripada 1 kursus. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan sistem fail tersebut.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan kepada keperluan **Standard ISO 9001:2008 Klausa 8.2.1 – Kepuasan Hati Pelanggan** merupakan satu alat pengukur prestasi Sistem Pengurusan Kualiti. Justeru, sebagai organisasi yang berkait secara langsung dengan pelanggan khususnya staf dalaman, Politeknik Merlimau perlulah memantau maklumat yang berkaitan dengan persepsi pelanggan terhadap sistem pengurusan Fail Pensyarah Kursus. Seajar dengan itu, satu Kajian terhadap Pelaksanaan Sistem Pengurusan Fail Pensyarah

Kursus telah dijalankan bagi mengenalpasti sama ada sistem ini dapat meningkatkan kecemerlangan kualiti Proses Pengajaran & Pembelajaran di Politeknik Merlimau.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Sebagai sistem yang baru digunakan berkuat kuasa Sesi Jun 2013, terdapat dua (2) masalah utama yang disuarakan oleh para pensyarah. Antaranya :

- a) Bilangan fail yang diperuntukkan tidak mencukupi, contohnya bagi pensyarah yang mengajar 3-5 kursus memerlukan sebilangan besar fail untuk menyimpan rekod-rekod.
- b) Ruang penyimpanan semasa yang terhad menyebabkan pensyarah sukar menguruskan ruang kerja masing-masing kerana fail yang banyak memerlukan tempat simpanan yang luas.

## 1.3 Objektif Kajian

Dalam konteks masalah yang telah dinyatakan, kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif seperti berikut:

- a) Memastikan kecemerlangan kualiti P&P tercapai
- b) Memberi kepuasan kepada pensyarah

## 1.4 Kajian Literatur

**Hazman Shah Abdullah (1998)** dalam artikelnya "*What's this thing called quality?*" menyatakan bahawa aspek kualiti pada sesuatu produk atau servis biasanya dikaitkan dengan kepuasan pelanggan. Berdasarkan **Keperluan Standard ISO 9001:2008** "Pengurusan atasan perlu memantau dan menilai pelaksanaan sistem pengurusan kualiti organisasi untuk memastikan perkhidmatan yang dihasilkan memenuhi kehendak dan pengharapan pelanggan serta pihak – pihak berkepentingan, kehendak peraturan dan perundangan serta kehendak organisasi sendiri".

## 1.5 Limitasi Kajian

Antara limitasi yang dihadapi semasa menjalankan kajian ini adalah:

- a) Penyelidik menghadapi kekangan masa dalam menyiapkan kajian ini.
- b) Kajian ini hanya melibatkan sebilangan pensyarah di Politeknik Merlimau sahaja yang dipilih sebagai sampel.

## 1.6 Definisi Kajian

**Sistem** merupakan istilah dari bahasa Yunani “system” yang artinya adalah himpunan bahagian atau unsur yang saling berhubungan secara teratur untuk mencapai tujuan bersama.

Menurut **John Mc. Manama**, Sistem adalah sebuah struktur konseptual yang tersusun dari fungsi-fungsi yang saling berhubungan yang bekerja sebagai suatu kesatuan organik untuk mencapai suatu hasil yang diinginkan secara efektif dan efisien.

**Pengurusan** merujuk satu proses dimana kerja dapat dilaksanakan dengan mengembeleng sumber manusia serta membimbing dan memberi motivasi kepada usaha mereka ke arah pencapaian objektif organisasi. (**Hilgert & Leonard**)

**Fail Pensyarah Kursus** merupakan fail semasa yang perlu disediakan oleh pensyarah kursus bertujuan untuk menyimpan semua rekod kualiti berkaitan dengan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran. Fail ini mengandungi perkara seperti Sukatan Kursus, Jadual Kerja Bengkel/Makmal/Kerja Luar, Rekod Ketidakhadiran Kursus, Rekod Penilaian Kerja Kursus, Course Outcome Review Report (CORR), Soalan dan Skema Jawapan, Skrip Jawapan Pelajar dan Nota Kursus.

**Kecemerlangan** ialah kebolehan dan kemampuan diri menggabung dan menggunakan keseluruhan potensi yang dianugerahkan Allah kepada setiap individu secara menyeluruh dan bersepadu ke jalan yang diredhai

Allah. Ianya meliputi keseimbangan dan mempergiatkan pelbagai kecerdasan yang ada pada diri individu ke arah penjanaan minda yang kritis dan kreatif. Ianya adalah untuk kesejahteraan dan keharmonian kehidupan individu dan masyarakat umum sepanjang hayat.

**Kualiti** bermaksud produk atau servis yang memenuhi kehendak pelanggan dan membawa kepada *kepuasan pelanggan*. Definisi kualiti di bawah ISO 9001:2008 ialah keseluruhan ciri-ciri sesuatu entiti (produk dan perkhidmatan) yang dapat memenuhi kehendak pelanggan yang dinyatakan dan yang tersirat.

**Pengajaran** bermaksud sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Pengajaran ini adalah dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti untuk melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalak dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan.

**Pembelajaran** adalah proses interaksi pelajar dengan pendidik dan sumber belajar pada suatu lingkungan belajar. Pembelajaran merupakan bantuan yang diberikan pendidik agar dapat terjadi proses perolehan ilmu dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan pada peserta didik. Dengan kata lain, pembelajaran adalah proses untuk membantu peserta didik agar dapat belajar dengan baik.

“Pembelajaran merupakan proses memperolehi ilmu pengetahuan atau kemahiran”. Mengikut **Robert M. Gagne (1970)** dalam *The Condition of Learning*, pembelajaran merupakan “perubahan tingkahlaku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan”.

Mengikut **Woolfolk (1980)** dalam *Educational Psychology for Teachers*, pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru.

## BAHAGIAN DUA METODOLOGI KAJIAN

---

### 2.0 REKABENTUK KAJIAN

Penyelidikan diskriptif ini dijalankan adalah untuk mengkaji sama ada pelaksanaan Sistem Fail FPK dapat memenuhi keperluan pelanggan dalaman khususnya pensyarah di Politeknik Merlimau.

#### 2.1 Kaedah pengumpulan data

Pengumpulan data dibuat dengan mengedarkan borang soal selidik (seperti lampiran) kepada bilangan sampel berdasarkan rekabentuk persampelan rawak berlapis. Bilangan sampel yang diambil kira dalam menjalankan kajian FPK ini adalah seramai 80 orang. Kajian terbahagi kepada 7 Jabatan iaitu pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Perdagangan (JP), Jabatan Pelancongan & Hospitaliti (JPH), Jabatan Matematik, Sains & Komputer (JMSK) dan Jabatan Pengajian Am (JPA). Semua pensyarah mengikut persampelan jabatan adalah seperti berikut:

Jabatan	Bilangan Responden
JKA	10
JKE	14
JKM	8
JP	13
JPH	14
JMSK	12
JPA	9
<b>JUMLAH</b>	<b>80</b>

Jadual 3 menunjukkan pengukuran bagi item-item dalam soal selidik. Melalui skala lima mata ini jawapan-jawapan telah disediakan dan responden hanya memilih jawapan yang paling sesuai bagi dirinya.

Jadual 3: Skala instrumen soal selidik kajian berdasarkan aras keamatan

Skala	Aras Keamatan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Jadual 4: Jadual Tahap Kecenderungan skor min (Landell, 1997)

Selang Skala Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

## 2.2 Teknik Persampelan

Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak berlapis, di mana bilangan sampel yang diambil adalah berdasarkan jadual yang telah disediakan dalam Kjerie Morgan.

## 2.3 Kaedah Analisis

Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dikumpulkan bagi mengetahui maklum balas responden dan dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences*) versi 15.0. Dapatan yang dihasilkan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan kemudiannya ditafsir dengan merujuk Jadual Tahap Kecenderungan Skor Min (Landell, 1997) seperti Jadual 4.




## BAHAGIAN TIGA DAPATAN ANALISIS

### 3.0 DAPATAN KAJIAN


Secara keseluruhannya, terdapat 10 item yang dinilai oleh responden yang terdiri daripada 4 item masing-masing di Bahagian B dan 6 item di Bahagian C. Dapatan kajian ini dianalisis dan dirumus merujuk kepada objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji

#### 3.1 Maklumat Responden


Responden adalah terdiri daripada 12.5% Pensyarah JKA, 17.5% JKE, 10.0% JKM, 16.3% JP, 17.5% JPH, 15.0% JMSK, 11.3% JPA (seperti gambar rajah di bawah).



Responden mengikut jantina pula menunjukkan seramai 29 orang lelaki dan 51 orang perempuan (seperti gambar rajah di bawah).



Bagi responden mengikut tempoh berkhidmat di Politeknik Merlimau, seramai 17 orang pensyarah berkhidmat kurang daripada 3 tahun, manakala 34 orang berkhidmat antara 3 hingga 8 tahun. Seterusnya, seramai 29 orang pensyarah berkhidmat lebih daripada 8 tahun (*seperti gambar rajah di bawah*).



### 3.2 Analisis Skor Min

Secara keseluruhannya, terdapat 10 item yang dinilai oleh responden yang terdiri daripada 4 item Aspek Peningkatan Kecemerlangan Kualiti P&P dan 6 item Aspek Kepuasan Hati Pensyarah terhadap Sistem Pengurusan FPK.

**a) Aspek Peningkatan Kecemerlangan Kualiti P&P**

Terdapat 4 item yang dikemukakan dan dari aspek peningkatan kecemerlangan Kualiti P&P, skor min tertinggi menunjukkan rekod dalam FPK adalah lebih tersusun dan sistematik dengan skor minnya 4.18. Manakala skor min terendah iaitu 3.99 pula menunjukkan rekod dan maklumat mudah dicapai. Daripada jadual ini dapat dinyatakan bahawa aspek peningkatan kecemerlangan kualiti P&P adalah berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan sebanyak 4.11.

<b>Aspek Peningkatan Kecemerlangan Kualiti P&amp;P</b>		<b>SKOR MIN</b>	<b>TAFSIRAN TAHAP</b>
1.	Buku Panduan yang disediakan membantu dalam penyediaan FPK	4.13	Tinggi
2.	<b>Rekod dalam FPK lebih tersusun dan sistematik</b>	<b>4.18</b>	<b>Tinggi</b>
3.	<i>Course Outline</i> lebih praktikal berbanding Rancangan Mengajar	4.15	Tinggi
4.	Rekod dan maklumat mudah dicapai	3.99	Sederhana Tinggi
	Skor Min Keseluruhan	4.11	Tinggi

**b) Aspek Kepuasan Hati Pensyarah terhadap Sistem Pengurusan FPK**

Terdapat 6 item yang dikemukakan dan setelah analisis dibuat, didapati skor min tertinggi ialah pegawai yang bertanggungjawab mudah dihubungi sekiranya ada masalah dengan skor min 4.11. Skor min terendah dicatatkan adalah sebanyak 3.44 di mana staf kurang berpuashati dari segi ruang penyimpanan FPK yang mencukupi. Daripada jadual ini dapat dinyatakan bahawa aspek kepuasan hati pensyarah terhadap system pengurusan FPK adalah berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min keseluruhan sebanyak 3.83.

<b>Aspek Kepuasan Hati Pensyarah terhadap Sistem Pengurusan FPK</b>		<b>SKOR MIN</b>	<b>TAFSIRAN</b>
5.	Sistem Pengurusan FPK tidak membebankan saya berbanding FRP	3.76	Sederhana Tinggi
6.	Ruang penyimpanan FPK mencukupi	3.44	Sederhana Tinggi
7.	Penerangan yang jelas diberikan berkenaan penyediaan FPK	3.93	Sederhana Tinggi
8.	Pegawai yang bertanggungjawab mudah dihubungi sekiranya ada masalah	4.11	Tinggi
9.	Bilangan fail yang diperuntukkan mencukupi	3.80	Sederhana Tinggi
10.	Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan sistem Pengurusan FPK ini.	3.94	Sederhana Tinggi
	Skor Min Keseluruhan	3.83	Sederhana Tinggi

## **BAHAGIAN EMPAT**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

---

---

#### **4.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

##### **4.1 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa, aspek-aspek yang mencapai tahap skor min yang sederhana tinggi perlu dititik beratkan dan diambilkira. Oleh itu, kekurangan yang terdapat pada aspek-aspek tersebut perlu diatasi dengan tindakan penambahbaikan bagi memastikan tahap kecemerlangan kualiti P&P di Politeknik Merlimau dapat ditingkatkan dan mencapai kepuasan hati pensyarah. Ini merupakan salah satu usaha penambahbaikan berterusan sebagaimana yang digariskan oleh ISO 9001:2008. Aspek yang paling kritikal iaitu Ruang Penyimpanan FPK tidak mencukupi mendapat skor min paling rendah dan ini disokong oleh beberapa cadangan penambahbaikan.

##### **4.2 CADANGAN**

- a) Rekod seperti bukti penilaian pelajar disimpan dalam Cakera Padat (CDR).
- b) Ruang penyimpanan FPK semasa diselaraskan dan dipusatkan di setiap jabatan.
- c) Menyediakan mesin pengimbas (*scanner*) di setiap aras jabatan bagi memudahkan penyimpanan rekod.
- d) Penyelaras Rekod Akreditasi Jabatan memaklumkan kepada Unit Jaminan Kualiti bilangan fail yang diperlukan oleh pensyarah kursus pada setiap awal semester.

## RUJUKAN

Short, P.M., Greer, J.T. dan Melvin, W.M., 1994, "Creating empowered schools: Lesson in change", *Journal of Educational Administration*, 32(4):38-52.

Smylie, M.A., Lazarus, V. dan Brownlee, C.J., 1996, "Instructional outcome of school-based participative decision making", *Educational valuation and Policy Analysis*, 18: 181-198.

Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Bahasa dan Pustaka & Universiti Sains Malaysia, 2002. "CD Rom

Hilgert L. R. dan Leonard C. E. Jr. (2000). " Supervision: Concepts and Practices of Management". 8<sup>th</sup> Edition. South-Western College Publishing, Thomson Learning.

Gagne, R. M. (1985). *The Conditions of Learning and Theory of Instruction*. 4th Edition. New York : Holt, Rinehart & Winston.

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)

<http://ariebrain.wordpress.com/2010/03/06/sistem/>

<http://www.iso.org/>

<http://www.kkselayang.edu.my>

**UNIT JAMINAN KUALITI (UJK)  
POLITEKNIK MERLIMAU**

**KAJIAN TERHADAP PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN FAIL PENSYARAH KURSUS (FPK) DALAM  
MENINGKATKAN KECEMERLANGAN KUALITI P&P DI POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA.**

**ARAHAN :**

1. Kaji selidik ini terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu Bahagian A adalah maklumat Am, Bahagian B adalah untuk mengukur FPK dapat meningkatkan kecemerlangan kualiti P&P dan Bahagian C pula adalah mengukur tahap kepuasan hati pensyarah.
2. Sila tandakan  semua soalan pada setiap bahagian .

**Bahagian A**

Jabatan/Unit :  JKA  JKE  JKM  JP  PH  ISK  
                   JPA  
 Jantina :  Lelaki  Perempuan  
 Tempoh berkhidmat di PMM :  < 3 tahun  
     3 hingga 8 tahun  
     > 8 tahun

**SKALA :**

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju

**Bahagian B**

**Sistem Pengurusan FPK meningkatkan kecemerlangan kualiti P&P**

Bil	Perkara	1	2	3	4	5
1	Buku Panduan yang disediakan membantu dalam penyediaan FPK					
2	Rekod dalam FPK lebih tersusun dan sistematik					
3	<i>Course Outline</i> lebih praktikal berbanding Rancangan Mengajar					
4	Rekod dan maklumat mudah dicapai					

**Bahagian C**

**Kepuasan hati pensyarah terhadap Sistem Pengurusan FPK**

Bil	Perkara	1	2	3	4	5
1	Sistem Pengurusan FPK tidak membebankan saya berbanding FRP					
2	Ruang penyimpanan FPK mencukupi					
3	Penerangan yang jelas diberikan berkenaan penyediaan FPK					
4	Pegawai yang bertanggungjawab mudah dihubungi sekiranya ada masalah					
5	Bilangan fail yang diperuntukkan mencukupi					
6	Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan sistem Pengurusan FPK ini.					

Terima kasih atas kerjasama yang diberikan...